



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

2 jurulatih Indon kendali bengkel

Berita Harian, 25 September 1998, Page 26

Article also available on Microfilm Reel NL21594

Printer-Friendly Page

2 jurulatih Indon kendali bengkel

SILAT Oleh YUSOFF A. RAHMAN

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah mendapatkan kepakaran dua orang jurulatih Indonesia untuk membantu dalam usaha mereka meningkatkan tahap persembahan dan pengetahuan para pesilat dan pegawainya dalam acara seni — jurus wajib.

Bengkel yang dikendalikan oleh Bima Sising Widagdo dan Haji Iskandar Ismail itu disertai oleh 48 orang di Persatuan Rakyat dari 6 hingga 14 September lalu.

Setiausaha Agung Persisi, Ajie Karmak, berkata ia bertujuan membantu meningkatkan tahap keupayaan peserta melakukan 99 pergerakan yang diselaraskan bagi acara tersebut.

"Kerana Indonesia begitu menyerlah dalam acara seni Jurus Wajib, sewajarnya kami mendapatkan kepakaran jurulatih dari sana untuk membantu kami," kata Aeji.

Kedua-dua jurulatih tersebut, yang menjadi peserta Indonesia untuk mengutip pingat emas dalam Sukan SEA Jakarta tahun lalu, dibayar \$1,000 seorang kerana mengendalikannya bengkel itu.

Acara Jurus Wajib, yang melibatkan tiga pesilat, diperkenalkan di Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur tahun lalu dan di Sukan SEA Jakarta.

Bagaimanapun, ia sekadar melibatkan para pesilat lelaki.

Kini, menurut Aeji lagi, usaha sedang dibuat untuk menyelitkan acara wanita dalam kejohanan antarabangsa akan datang.

Jurus Wajib merupakan salah satu daripada tiga cabang silat seni. Dua lagi ialah acara Tunggal dan Satu Ganda.

"Saya akan menghadiri mesyuarat Persekutuan Silat Antarabangsa (Pesilat) di Jakarta esok dan antara perkara yang akan dibincangkan nanti termasuk menyertakan acara wanita bagi Jurus Wajib.

"Mesyuarat yang disertai oleh empat negara Pendi — Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia — juga akan turut membincangkan saranan menggunakan lima juri dalam kejohanan antarabangsa," kata Aeji, yang berlepas ke Jakarta semalam.

Sebelum ini tiga juri digunakan, tetapi ia mencetuskan rasa tidak puas hati kepada sesetengah pesilat yang meragui keputusan mereka.

"Dengan menggunakan lima juri, keputusan sesuatu perlawanan dilihat lebih adil," bekas johan dunia, Abdul Kadir Ibrahim, pernah dipetik sebagai berkata.



TUNJUK AJAR: Jurulatih Indonesia, Haji Iskandar Ismail (paling depan) sedang memimpin bengkel latihannya. — Gambar oleh TUKIMAN WARJI.

Gambar oleh TUKIMAN WARJI.